

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI

TARIKH:

SOALAN:

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendekatan diambil bagi membendung kemasukan pekerja asing ke negara ini, dan langkah menggalakkan rakyat tempatan merebut peluang yang tersadai di pasaran pada masa ini.

PR-1342-T73803

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Dasar Kerajaan adalah untuk memberi keutamaan kepada rakyat Malaysia bagi mendapatkan pekerjaan terlebih dahulu. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan pekerja warganegara tidak dinafikan hak mereka untuk bekerja. Hanya jawatan-jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja warganegara dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing.
2. Kerajaan turut mengenakan syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin menggajikan pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam Portal JobsMalaysia sebelum dikeluarkan Sijil Perakuan Pengesahan Majikan. Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat warganegara.
3. Selain itu, penggajian pekerja asing hanya dibenarkan bagi jawatan tertentu dalam lima (5) sektor formal iaitu sektor pembinaan, pertanian, perladangan, perkilangan dan perkhidmatan (subsektor tukang masak restoran, pembersihan dan pencucian, pulau peranginan, hotel, spa, refleksologi, kedi (lelaki) dan pembantu taman tema).
4. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan

untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dan menarik minat pekerja warganegara untuk memasuki pasaran kerja adalah seperti berikut:

- (i) mempromosi dan memudahcara peluang penempatan pekerjaan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) oleh Jabatan Tenaga Kerja;
- (ii) menggalakkan sektor-sektor yang berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing. Langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran melahirkan 35% pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020. Di samping, dapat memastikan pekerja asing tidak melebihi 15% daripada jumlah guna tenaga negara menjelang tahun 2020 selaras dengan RMK-11;
- (iii) menetapkan ratio pekerja warganegara dan pekerja asing bagi menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Sebagai contoh, sektor perladangan (kelapa sawit), keluasan tanah 8 hektar untuk 1 pekerja dan getah pula keluasan tanah 4 hektar untuk 1 pekerja. Manakala, untuk sektor perkilangan, bagi syarikat dalam subsektor elektrik dan elektronik, nisbah kelayakan yang ditetapkan adalah 2 pekerja warganegara bagi 1 pekerja asing;

- (vi) mengutamakan *exit policy* penggajian pekerja asing dengan menyediakan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara;
- (v) pembekuan pengambilan semua pekerja asing baharu dari semua negara sumber ke Malaysia yang diumumkan oleh Kerajaan pada 19 Februari 2016; dan
- (vi) pelaksanaan Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI (Program *Rehiring*) oleh Kementerian Dalam Negeri.

5. Oleh itu, pandangan sesetengah pihak yang menyatakan bahawa penggajian dan kemasukan pekerja asing menyebabkan rakyat Malaysia hilang pekerjaan adalah kurang tepat kerana purata kadar pengangguran bagi tempoh 2010 hingga 2015 adalah dibawah paras 3%. Ini bererti bahawa pengisian kekosongan jawatan oleh pekerja asing bukanlah menggantikan pekerja warganegara dan berdasarkan data yang diperolehi kebanyakan penganggur adalah terdiri daripada kalangan belia dan graduan universiti yang tidak berminat dan kurang sesuai untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai pekerja am.

6. Berdasarkan statistik JobsMalaysia sepanjang tahun 2015, hanya seramai 1,945 rakyat Malaysia yang berdaftar sebagai pencari kerja baharu dalam kategori pekerjaan asas dan manakala, permintaan majikan bagi kategori pekerjaan asas adalah jauh lebih tinggi dan keadaan ini telah menyebabkan Kerajaan membenarkan

penggajian pekerja asing oleh majikan demi kelangsungan pihak industri.

7. Selain itu, mengenai rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara, faktor pertukaran mata wang dilihat merupakan faktor utama yang menyebabkan rakyat Malaysia lebih cenderung untuk bekerja di luar negara yang mempunyai nilai mata wang yang lebih tinggi berbanding nilai Ringgit Malaysia.

8. Sementara itu, dalam usaha untuk memantapkan pasaran buruh dengan tenaga kerja mahir, Kementerian Sumber Manusia juga sedang merangka Panduan Gaji untuk lulusan Sijil dan Diploma Kemahiran atau setaraf dengannya supaya pencari kerja warganegara yang mempunyai sijil kemahiran dapat menikmati gaji yang setimpal dengan kelayakkan akademik yang dimiliki.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI  
DARIPADA [ SIPITANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menyeragamkan pendidikan agama yang dilaksanakan oleh agensi Kerajaan Persekutuan dengan pendidikan agama yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sebelum tahun 2015 kurikulum pendidikan agama dalam negara adalah tidak selaras dan tidak seragam. Namun bermula tahun 2015, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berjaya menyelaras, menyeragamkan dan mengiktiraf Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBD dan KBT) sebagai Kurikulum Kebangsaan. Pengiktirafan KBD dan KBT telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan KPM dalam Mesyuarat Kali Ke-200 yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Pelajaran pada 26 Julai 2012, Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-54 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 03 Disember 2012 dan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Kali Ke-231 pada 27 Februari 2013 telah bersetuju mengambil maklum dan memperkenankan pelaksanaan KBD dan KBT di SABK mulai tahun 2015. Walaupun KBD dan KBT dilaksanakan di SABK, namun KPM memberi peluang untuk sekolah agama negeri (SAN) dan sekolah agama rakyat(SAR) untuk melaksanakan KBD dan KBT bagi meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah tersebut.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI  
DARIPADA [ SIPITANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mewujudkan Maktab Perguruan Agama Islam sebagai usaha untuk melahirkan tenaga pengajar pendidikan agama Islam yang berkualiti dan terlatih.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Maktab Perguruan Islam (MPI) secara rasmi telah ditubuhkan pada 25 April 1977 di mana misi utamanya adalah sebagai Pusat Latihan Guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab. Pada 1 April 2006, nama MPI telah ditukar kepada Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam selaras dengan naiktaraf maktab-maktab perguruan kepada Institut Pendidikan Guru (IPG).

Melalui perancangan konfigurasi semula kampus IPG (Transformasi IPG), IPG Kampus Pendidikan Islam akan menjadi kampus *flagship* yang hanya memfokuskan kepada bidang Pendidikan Islam dan Bahasa Arab menjelang tahun 2018. Senarai Institut Pendidikan Guru (IPG) yang menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) bidang Pendidikan Islam Pendidikan Rendah adalah IPG Kampus Batu Lintang, IPG Kampus Dato Razali, IPG Kampus Gaya, IPG Kampus Kent, IPG Kampus Pendidikan Islam, IPG Kampus Sultan Abdul Halim, IPG Kampus Tawau, IPG

Kampus Tengku Ampuan Afzan, IPG Kampus Tuanku Bainun, dan IPG Kampus Tun Hussein Onn.

Data pelatih PISMP bidang Pendidikan Islam Pendidikan Rendah yang sedang mengikuti latihan perguruan di IPG adalah seramai 634 orang. Manakala, jumlah guru yang sedang mengikuti latihan perguruan mod KDC adalah seramai 841 orang.